



24 SEP, 2024

Pemilik syarikat emas tipu GST RM2.22 juta

Kosmo, Malaysia



MOHD. HASRIQ

Pemilik syarikat emas tipu GST RM2.22 juta

SHAH ALAM – Seorang pemilik syarikat berkaitan pembelian emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas lapan pertuduhan berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan nilai keseluruhan RM2.22 juta antara 2017 dan 2018.

Mohd. Hasriq Zahari, 38, selaku Orang Kena Saman (OKS) membuat pengakuan itu selepas per-

tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Berdasarkan empat pertuduhan, lelaki itu didakwa memberikan maklumat tidak betul berhubung cukai *input* dan *output* diikrar dalam penyata GST-03.

Ini bagi tempoh bercukai antara 1 April hingga 2017 hingga 30 Jun 2018, menyebabkan kekurangan cukai dibayar RM2.22 juta.

Justeru, dia melakukan ke-

salahan mengikut Seksyen 88 (c) Akta GST 2014.

Selain itu, OKS juga dikenakan penalti bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang jika penyata atau maklumat itu telah diterima sebagai betul.

Mohd. Hasriq turut didakwa empat pertuduhan berkaitan membuat catatan palsu dalam penyata sama berjumlah RM2.22 juta untuk mengelak cukai dan

melakukan kesalahan mengikut Seksyen 89 (1) (b) Akta GST 2014.

Kesemua perbuatan didakwa dilakukan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pelabuhan Klang antara 12 Julai 2017 hingga 17 Julai 2018.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa JKDM, Mazliza Abdul Wahid, manakala OKS diwakili Peguam Datuk Ahmad Zaharil Muhaiyar.



24 SEP, 2024

Pemilik syarikat emas tipu GST RM2.22 juta

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MOHD. HASRIQ

SHAH ALAM - Seorang pemilik syarikat berkaitan pembelian emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas lapan pertuduhan berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan nilai keseluruhan RM2.22 juta antara 2017 dan 2018. Mohd. Hasriq Zahari, 38, selaku Orang Kena Saman (OKS) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rasyiah Ghazali.